



HELAIAN DATA KESELAMATAN

1. PENGENALAN BAHAN KIMIA DAN PEMBEKAL

Pengenal pasti Produk: TACFLUX 010

Nombor SDS SDS-IN TF010

Tarikh Disemak: 22 Februari 2020

Kegunaan Produk: Kegunaan Perindustrian – Tacflux (campuran)

PENGILANG:

Di Amerika:

The Indium Corporation of America
34 Robinson Road, Clinton NY 13323
Maklumat: (315) 853-4900
nswarts@indium.com

NOMBOR TELEFON KECEMASAN:

CHEMTREC 24 jam.

AS: 1 (800) 424-9300

Luar AS: +1 (703) 527-3887

China: Kecemasan 86+ 4008417580

Di Eropah:

Indium Corporation of Europe
7 Newmarket Ct.
Kingston, Milton Keynes, UK, MK 10 OAG
Maklumat: +44 [0] 1908 580400

Di China:

Indium Corporation (Suzhou), Co., Ltd.
No. 428 Jalan Xinglong
Kawasan Perindustrian Suzhou
Dataran Perindustrian Suchun
Unit No. 14-C
Wilayah Jiangsu, China 215126
Maklumat: (86) 512-6283-4900

Di Asia:

The Indium Corporation of America
Operasi Asia Pasifik-Singapura
29 Kian Teck Avenue
Singapura 628908
Maklumat: +65 6268-8678

2. PENGENALAN BAHAYA

LALUAN KEMASUKAN UTAMA:

⊗Mata ⊗Penyedutan ⊗Kulit ⊗Pengingesan NTP

Karsinogen disenaraikan dalam

IARC OSHA ⊗Tidak Tersenarai

GHS:



Isyarat Perkataan: Bahaya

Kenyataan Bahaya

H315 Menyebabkan kerengsaan kulit
 H319 Menyebabkan kerengsaan mata yang serius
 H410 Sangat toksik kepada hidupan akuatik dengan kesan kekal berpanjangan

Kenyataan Langkah Berjaga-jaga

P233 Pastikan bekas ditutup rapat
 P261 Elakkan menghidu debu/wasap/gas/kabus/wap/semburan
 P270 Jangan makan, minum atau merokok semasa menggunakan produk ini
 P273 Elakkan dari dibebaskan ke persekitaran
 P280 Pakai sarung tangan perlindungan/pakaian perlindungan/perlindungan mata/perlindungan muka
 P362 + P364 Tanggalkan pakaian yang tercemar dan basuh sebelum digunakan semula
 P301 + P314 JIKA TERTELAN: Dapatkan nasihat/rawatan Perubatan jika anda berasa tidak sihat
 P302 + P352 JIKA TERKENA PADA KULIT: Basuh dengan air dan sabun yang banyak
 P304 + 341 JIKA TERHIDU: Jika sukar bernafas, alihkan mangsa ke kawasan udara segar dan pastikan berehat dalam kedudukan yang selesa untuk bernafas
 P305 + 351 JIKA MEMASUKI MATA: Bilas berterusan dengan air selama beberapa minit (15 min)

Klasifikasi:

Perengsa kulit - Kategori 2

Kerosakan mata serius / perengsa mata - Kategori 2

Ketoksikan akuatik akuatik - Kategori 1

KEMUNGKINAN KESAN KEPADA KESIHATAN:

Terkena Mata: Merengsa mata. Jangan biarkan bahan memasuki mata.

Pengingesan: Boleh menyebabkan kerengsaan.

Penyedutan: Kepekatan wap yang dipanaskan mungkin berbahaya jika dihidu. Merengsa saluran pernafasan.

Terkena pada Kulit: Merengsa kepada kulit.

Kronik: Tidak dipastikan.

NOTA: *Indium Corporation* tidak mengesyor, mengilang, memasar atau mengesahkan mana-mana daripada produknya untuk penggunaan manusia.

3. KOMPOSISI DAN MAKLUMAT MENGENAI RAMUAN BAHAN KIMIA BERBAHAYA

Komponen	% brt	Pendaftaran CAS #	PEL mg/m ³	TLV-TWA mg/m ³	TLV-STEL mg/m ³
POLIGLIKOL ETER	65 - 80	9038-95-3	N.E.	N.E.	N.E.
ASID KARBOKSILIK	5 - 10	67762-36-1	N.E.	N.E.	N.E.
ALKOHOL	10 - 25	68603-15-6	N.E.	N.E.	N.E.

N.E. = Tidak dipastikan

4. LANGKAH-LANGKAH PERTOLONGAN CEMAS

Terkena Mata: Tahan kelopak mata daripada tertutup dan basuh mata dengan air suam yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Dapatkan rawatan perubatan jika kerengsaan berterusan.

Pengingesan: Jika pesakit sedar, HANYA dorong untuk muntah sebagaimana yang diarahkan oleh kakitangan yang terlatih. JANGAN SESEKALI memberikan apa-apa melalui mulut kepada orang yang tidak sedarkan diri. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Penyedutan: Alihkan ke udara segar. Jika tidak bernafas, berikan pernafasan tiruan atau oksigen oleh kakitangan terlatih.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Terkena pada Kulit: Tanggalkan pakaian yang tercemar. Basuh kawasan yang terkena dengan air dan sabun. Basuh pakaian sebelum digunakan semula. Jika kerengsaan berterusan, dapatkan rawatan perubatan.

5. LANGKAH-LANGKAH PEMADAMAN KEBAKARAN

Takat Kilat: Tidak berkenaan

Suhu Auto-nyalaan: Tidak dipastikan.

Had Mudah Bakar: Had tidak dipastikan, tidak mudah terbakar.

Media Pemadam: Gunakan pemadam yang bersesuaian untuk keadaan api di sekeliling.

Prosedur Pemadaman Api Khas: Pemadam api perlu memakai radas pernafasan serba lengkap yang diluluskan NIOSH dan pakaian perlindungan yang penuh.

6. LANGKAH-LANGKAH PELEPASAN TIDAK SENGAJA

Prosedur Tumpahan atau Kebocoran: Pakai respirator dan Perlindungan Peribadi yang bersesuaian (Lihat Bahagian Kawalan Pendedahan/Perlindungan Peribadi). Serap tumpahan dengan bahan lengai (cth., pasir kering atau tanah), kemudian letakkan dalam bekas sisa kimia. Lupuskan mengikut semua peraturan Persekutuan, Negeri dan Setempat. Dalam EU rujuk Peraturan Sisa Khas.

7. PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN

Langkah berjaga-jaga Pengendalian: Pastikan bekas ditutup rapat apabila tidak digunakan. Guna dengan berhati-hati untuk mengelakkan tumpahan. Elakkan menghidu wap daripada bahan yang dipanaskan. Elakkan dari terkena mata, terkena pada kulit dan pakaian. Gunakan dengan pengudaraan yang mencukupi.

Langkah berjaga-jaga Penyimpanan: Simpan produk dalam bekas asal bertutup rapat di tempat yang dingin, kering. Pastikan jauh dari haba dan nyalaan. Simpan jauh dari bahan tidak serasi. Bekas kosong mungkin berbahaya kerana mengandungi tinggalan produk.

8. KAWALAN PENDEDAHAN DAN PERLINDUNGAN DIRI

Kawalan Kejuruteraan: Pengudaraan umum yang baik seharusnya mencukupi untuk mengawal tahap bawaan udara.

Perlindungan peribadi:

Mata: Cermin mata/gogal keselamatan kimia. Pelindung muka untuk bahaya percikan.

Respirator: Respirator pembersih udara diluluskan atau bertanda patuh dengan kartrij kimia wasap/organik disyorkan di dalam keadaan tertentu di mana kepekatan bawaan udara dijangkakan untuk meningkat.

Kulit: Sarung tangan tahan kimia yang serasi. Pakaian luar pelindung, apron. Menutup lengan dengan sewajarnya.

Lain-lain: Pencuci mata air pancut di kawasan kerja. Elakkan penggunaan kanta sentuh di kawasan berwasap tinggi.

Amalan Kerja/Kebersihan: Kekalkan pengemasan yang baik. Bersihkan tumpah dengan segera. Elakkan makan, merokok atau minum di kawasan kerja. Basuh tangan sebersih-bersihnya dengan air dan sabun dengan segera sebaik sahaja meninggalkan kawasan kerja.

9. SIFAT FIZIKAL DAN KIMIA

Rupa:	Fluks	Takat Didih:	Tidak berkenaan.
Bau:	Bau yang bersifat lemah.	Takat Lebur:	Tidak berkenaan.
Graviti tentu:	Tidak berkenaan.	pH:	Tidak berkenaan.
Tekanan Wap:	Tidak berkenaan.	Keterlarutan dalam Air:	Tidak larut (pes)
Ketumpatan Wap:	(udara=1) Tidak berkenaan.		

10. KESTABILAN DAN KEREAKTIFAN

Umum:	Stabil.
Keadaan untuk Dielakkan:	Suhu Membeku. Suhu tinggi.
Bahan Tidak Serasi:	Tidak dipastikan.
Penguraian / Pembakaran Berbahaya:	Wasap organik berbahaya dan wasap oksida toksik mungkin membentuk pada suhu yang meningkat.
Polimerisasi Berbahaya:	Tidak akan berlaku.

11. MAKLUMAT TOKSIKOLOGI

Kekarsinogenan: **NTP:** Tidak
 OSHA: Tidak
 IARC: Tidak

LD50: Tidak dipastikan.

LC50: Tidak dipastikan.

12. MAKLUMAT EKOLOGI

Produk tidak diuji. Mengandungi pencemar marin

Berbahaya kepada hidupan akuatik.

Bahaya persekitaran tidak boleh dikecualikan dalam hal pengendalian tidak profesional atau pelupusan.

13. MAKLUMAT PELUPUSAN

Kaedah Pelupusan Sisa: Lupuskan menurut semua peraturan Persekutuan, Negeri dan Setempat.
 Di Eropah ikut Peraturan Sisa Khas.

Bahaya persekitaran tidak boleh dikecualikan dalam hal pengendalian tidak profesional atau pelupusan.

14. MAKLUMAT PENGANGKUTAN

Angkut menurut peraturan dan syarat yang berkenaan.

Tidak berbahaya- penghantaran darat/IATA
(49 CFR 171.4)

IMDG (penghantaran oleh lautan) (49 CFR 172.322)

UN 3082, Environmentally hazardous substance, liquid, N.O.S., 9, PG III (alkylphenol) Severe Marine Pollutant)



UN 3082, Bahan berbahaya kepada alam sekitar, cecair, N.O.S., 9, PG III (alkylphenol) (pencemar marin teruk)

15. MAKLUMAT PENGAWASELIAAN

Maklumat dalam Lembaran Data Keselamatan ini memenuhi syarat Akta Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan Amerika Syarikat dan peraturan yang diisytiharkan di bawah ini (29 CFR 1910.1200 ET. SEQ.).

Produk ini telah dikelaskan menurut kriteria bahaya Peraturan Produk Terkawal Kanada (CPR).

Produk ini telah dikelaskan menurut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Perindustrian Republik Singapura.

Senarai SARA 313 - 40 CFR 372.65 - glikol

Semua bahan-bahan tersenarai pada Inventori EPA TSCA dan EINECS (Inventori Eropah Bahan Kimia Komersial Sedia Ada).

Produk ini telah diklasifikasikan mengikut peraturan Mexico: NOM - 018-STPS-2015 dan NOM- 010-STPS-2014.

Maklumat Kawalselia China:

GB / T 16483-2008, GB / T 17519-2013, Helaiian Data Keselamatan untuk Produk Kimia

GB 30000.2-29-2013, Kaedah klasifikasi dan pelabelan bahan kimia (GHS)

Peraturan 591: Peraturan Kawalan Ke Atas Keselamatan Kimia Berbahaya.

Produk ini diklasifikasikan menggunakan Had Pendedahan Pekerjaan Cina untuk Ejen Berbahaya di Tempat Kerja GBZ2-2007

Produk ini telah diklasifikasikan mengikut: KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KELAS KLASIFIKASI, LABELING DAN LEMBARAN DATA KESELAMATAN KIMIA BERBAHAYA) OBJEKTIF OKTOBER 2013 - (KELAS).

16. MAKLUMAT LAIN

Penarafan Bahaya HMIS:

Kesihatan:	1
Api:	1
Kereaktifan:	0

Tarikh Disemak: 22 Februari 2020

Disediakan oleh: Nancy Swarts, *Indium Corporation of America*

Diluluskan oleh: Nancy Swarts, *Indium Corporation of America*

Maklumat dan cadangan terkandung di dalam ini adalah, berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan terbaik *Indium Corporation of America*, tepat dan boleh dipercayai pada tarikh dikeluarkan. *Indium Corporation of America* tidak memberi waranti atau menjamin ketepatan atau kebolehpercayaannya dan *Indium Corporation of America* tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pengguna dengannya. Maklumat dan cadangan ditawarkan untuk pertimbangan dan pemeriksaan pengguna dan ianya adalah tanggungjawab pengguna untuk memuaskannya sendiri bahawa ianya sesuai dan lengkap untuk kegunaan khususnya. Jika pembeli membungkus semula produk ini, penasihat perundangan perlu dirujuk untuk memastikan maklumat kesihatan, keselamatan dan maklumat lain yang diperlukan yang betul dimasukkan ke dalam bekasnya.

Nota: SDS ini mungkin diterjemahkan ke dalam bahasa antarabangsa. Jika terdapat sebarang salah tafsir atau salah faham terhadap sebarang perkataan atau frasa yang mungkin berlaku dalam sebarang terjemahan, BAHASA INGGERIS sentiasa perlu diutamakan.